

Pembukaan MRT Sungai Buloh-Kajang



RUANG tren MRT yang luas memberikan keselesaan kepada penumpang di sepanjang perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kajang.



PENUMPANG MRT bersiap sedia untuk memasuki gerabak bagi merasai pengalaman menaiki pengangkutan awam terbaharu negara semalam.



PENUMPANG tren, Norlinda Dahlan (kiri), Salsiah Kamaruddin (tengah) dan Sufiah Maidin merakam gambar selfie ketika dalam perjalanan ke Sungai Buloh.

MRT catat lebih 150,000 penumpang dalam tempoh dua hari ia beroperasi

Terus dapat sambutan hangat

Oleh EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR – Perkhidmatan Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) fasa kedua terus mendapat sambutan hangat apabila ia dinaiki lebih 150,000 penumpang dalam tempoh dua hari beroperasi.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Datuk Seri Azmi Abdul Aziz berkata, jumlah itu bakal meningkat dari semasa ke semasa selepas jajaran itu dibuka sepenuhnya kelmarin.

Beliau berkata, bagi fasa pertama, sejumlah 2.7 juta pengguna telah menggunakan perkhidmatan MRT dari Sungai Buloh ke Semantan sejak 16 Disember lalu.

“Walaupun kita telah mula mengenakan tambang dengan potongan sebanyak 50 peratus bermula hari ini (semalam), namun sambutan yang diterima tetap menggalakkan dan menunjukkan bahawa ia merupakan keperluan rakyat



FARID



YASSIR



NORSYAM

terutamanya di pusat bandar.

“Sebanyak 168 buah gerabak digunakan untuk memastikan kelancaran perjalanan penumpang dan menepati waktu kekerapan seperti yang telah ditetapkan,” katanya kepada pemberita ketika sesi bersama presiden Prasarana di sini semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merasmikan pembukaan MRT laluan SBK fasa kedua dan mengumumkan diskaun tambang sebanyak 50 peratus sehingga Hari Merdeka.

Operasi fasa kedua MRT laluan Semantan-Kajang melengkapkan

jajaran SBK sepanjang 51 kilometer.

Jajaran itu merentasi 31 stesen termasuk tujuh stesen bawah tanah, Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang berintegrasi dengan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), Monorail dan KTM Komuter.

Sebanyak 100 buah bas perantara tambahan disediakan untuk menghubungkan penduduk di kawasan perumahan dan komersial yang berhampiran dengan stesen MRT terpilih.

Sementara itu, tinjauan *Kosmo!* mendapati orang ramai tidak melepaskan peluang selain menggunakan waktu rehat makan tengah hari untuk mencuba sendiri perkhidmatan tersebut.

Seorang penyelia syarikat



AZMI (dua dari kanan) bertanya sesuatu kepada penumpang yang menaiki tren MRT dari Kuala Lumpur ke Sungai Buloh semalam.

swasta, Farid Idrus, 29, berkata, perkhidmatan MRT memudahkan perjalanan sekiranya dia ingin pergi ke pusat bandar.

“Perjalanan saya lebih lancar tanpa perlu memikirkan tentang tempat parkir dan masalah kesesakan lalu lintas yang tidak boleh dielakkan terutamanya ketika waktu puncak,” katanya ketika ditemui di dalam MRT untuk perjalanan menuju ke Stesen Maluri dari Kota Damansara.

Seorang kakitangan swasta, Norsyam Lop, 40, berkata, perkhidmatan MRT membantu menjimatkan perbelanjaan hariannya.

“Sebelum ini saya mem-

belanjakan antara RM12 hingga RM15 setiap hari untuk pengangkutan. Setelah adanya MRT, saya menjangkakan perbelanjaan harian sebanyak RM1 atau RM2 untuk ke mana-mana lokasi di sekitar ibu kota,” ujarnya.

Bagi perjalanan sepanjang 51 kilometer yang memakan masa sekitar 80 minit merentasi 31 stesen, tambang sebanyak RM6.40 yang dikenakan dirasakan sangat berpatutan.

Seorang lagi penumpang, Yassir Zakaria, 27, berkata, sistem yang digunakan amat mesra pengguna terutamanya bagi golongan warga emas.



SEBUAH tren MRT membawa penumpang melalui stesen Stadium Kajang semalam.